

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN (MUAR)**

TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN (MUAR) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan kaedah yang digunakan untuk menentukan bilangan peranti laptop yang diagihkan ke setiap kawasan Parlimen seluruh Malaysia. Bagaimanakah cara pemilihan sekolah dibuat. Di Parlimen Muar hanya dua buah sekolah sahaja yang menerima peranti dari Kerajaan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif Tabung CERDIK seperti yang diluluskan dalam Belanjawan 2021 adalah satu inisiatif pemberian peranti digital lengkap dengan plan data kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. CERDIK merupakan satu inisiatif tanggung jawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) bertujuan menyediakan peranti digital kepada murid B40 yang dikenal pasti.

Yayasan Hasanah menguruskan sumbangan peranti digital termasuk plan data daripada GLC dan GLIC serta menyelaras penghantaran peranti digital ke pejabat pendidikan daerah (PPD). Manakala, Kementerian

Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab untuk mengenal pasti murid B40 yang layak menerima peranti digital mengikut kriteria yang ditetapkan dan seterusnya menguruskan agihan peranti digital tersebut.

Penentuan bilangan peranti digital yang diagihkan kepada murid B40 dan pemilihan sekolah adalah berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan seperti berikut.

- i) murid B40 yang dikenal pasti di sekolah bawah KPM;
- ii) senarai sekolah rendah disusun mengikut kedudukan bilangan murid B40 tertinggi bagi kohort Tahun Empat di setiap PPD;
- iii) senarai sekolah menengah disusun mengikut kedudukan bilangan murid B40 tertinggi bagi kohort Tingkatan Tiga di setiap PPD;
- iv) pemilihan sekolah di setiap PPD dibuat dengan mengambil kira keseimbangan lokasi sekolah di kawasan bandar dan luar bandar serta kemudahan capaian Internet dan bekalan elektrik di kawasan sekitarnya;
- v) bagi sekolah yang terpilih, setiap murid B40 dalam kohort Tahun Empat di sekolah rendah atau kohort Tingkatan Tiga di sekolah menengah akan menerima peranti digital Tabung CERDIK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengagihan peranti digital dibuat berdasarkan sekolah yang memenuhi kriteria di setiap PPD. Di PPD Muar, terdapat tiga (3) kawasan parlimen iaitu Parlimen Muar, Parlimen Bakri dan Parlimen Pagoh. Sebanyak 1,202 peranti digital telah diagihkan kepada murid B40 di 16 buah sekolah di PPD Muar termasuk dua (2) buah sekolah di Parlimen Muar yang memenuhi kriteria mengikut susunan keutamaan.